

Philea Resort & Spa Agih 7,000 Bungkus Bubur Lambuk



Oleh **MISROM MATLEHAM**

AYER KEROH, 13 Julai - Philea Resort & SPA mengagihkan sebanyak 7,000 bungkus bubur lambuk kepada orang ramai, termasuk pelancong yang keluar dan masuk melalui Plaza Tol Ayer Keroh, petang semalam.

"Ini merupakan tahun ketiga pihak Philea Resort & SPA mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai termasuk rumah-rumah anak yatim, pejabat-pejabat Kerajaan dan anggota pasukan keselamatan sebagai suatu tradisi murni menjelang kedatangan bulan Ramadan," ujar Pengurus Besar Philea Resort & SPA, Ronald Choong.

Katanya, sebanyak 180



Othman menerima bubur lambuk dari Ronald Choong

kilogram beras, 75 kilogram daging dan 75 kilogram ayam disediakan bagi menyediakan 6 periuk bubur lambuk yang diadakan secara gotong-royong, diket-

uai oleh Chef Azmi Desa.

Majlis Pelancaran Pengagihan Bubur Lambuk hari ini telah disempurnakan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri,



Othman bersama Abd Kadir dan Ronald Choong mengagihkan bubur lambuk kepada pemandu yang melalui Jalan Tun Razak berhampiran pintu masuk Plaza Tol Ayer Keroh, petang semalam

Datuk Wira Othman Muhamad. Hadir sama, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP), Abd Kadir Md Idris dan Pen-garah Kewangan Philea Re-sort & SPA, Lim Beng Weh.

"Sempena bulan Ramadan, kami juga menyediakan juadah istimewa dikenali sebagai '388 Citarasa 1Malaysia dengan harga berpatutan,' ujarnya.



Othman bersama Abd Kadir, Ronald Choong, Chef Azmi dan Eksekutif Program Khas AMP Radio Networks, Mohd Azlin Abdullah memasak bubur lambuk